

Tunisia menonjolkan diri dengan tidak memaparkan diri dalam berita antarabangsa. Terletaknya di antara Algeria dan Libya di pesisiran pantai Mediterania sebelah selatan, keselamatan dan kesatuan melambangkan negara ini yang mempunyai 10 juta orang penduduk. Tunisia dikenali dengan kestabilan politik dan juga kekayaan, hanya pernah ada dua orang presiden yang memerintah dalam masa 50 tahun yang telah lalu. Ia juga merupakan suatu negara yang

beraneka nilai budaya. Islam dan juga kesekularan / keduniaan membentuk minda dan nilai kebanyakan orang-orang Tunisia. Oleh kerana adanya pasukan polis yang kuat dan berkesan, damai dan keselamatan berkekalan di negara ini, jadi berjuta-juta pelancong dari Eropah datang setiap tahun. Kelompok-kelompok Islam dari negara-negara jiran telah cuba menjadi batu api tetapi syukurlah cubaan-cubaan mereka itu dapat dihalang.

lanya agak senang untuk mengongsikan Injil dengan

orang-orang Tunisia, walaupun ramai di antara mereka tidak berminat dalam hal-hal rohani. Ada di antara mereka yang pernah mengalami penyembuhan dan pelepasan dalam nama Kristus mengakui bahawa Yesus telah mengubah hidup mereka, tetapi masih tidak memberikan hidup mereka kepadaNya. Yang lain mengakui diri mereka percaya, kemudian tidak mahu menyerahkan hidup mereka. Terdapat juga teladan-teladan murid-murid yang menyerlah, tetapi hanya sebilangan kecil gereja rumah yang benar-benar asli bagi tempat ini.

Terdapat suatu gereja kebangsaan yang kecil, yang mempunyai beberapa orang pemimpin tempatan yang dikenali. Gereja di sini kebanyakannya terdiri daripada orang-orang yang berpendidikan tinggi yang lebih bersifat barat berbanding dengan kebanyakan penduduk Tunisia. Kebanyakan orang Kristian Tunisia tinggal di ibu kota Tunisia, iaitu bandar Tunis (2 juta penduduk). Sejak baru-baru ini, beberapa orang Kristian kini tinggal di sekurang-kurangnya empat bandar di mana sebelum itu

tiada atau sedikit sahaja orang Kristian. Oleh kerana begitu sedikit orang-orang percaya di sini, peranan media (terutamanya siaran TV satelit dalam bahasa Arab) masih sangat diperlukan untuk menjangkau bahagian-bahagian besar negara ini.

Rasa takut akan penganiayaan dan bukan penganiayaan secara nyata merupakan masalah yang besar bagi kebanyakan orang-orang percaya. Walaupun penganiayaan secara langsung dan kes-kes orang ditangkap polis jarang berlaku,

ramai orang-orang percaya takut ditolak atau disingkir oleh rakan-rakan dan keluarga.

Bahan-bahan Doa:

* Berdoalah untuk kesatuan dan keyakinan di antara satu sama lain bagi orang-orang tempatan yang percaya.

* Berdoalah untuk hubungan perkahwinan yang baik dan keluarga yang kukuh. Beberapa orang muda Kristian

Hari 07 | Orang-orang Islam Tunisia

kadangkala rasa sukar mencari pasangan hidup.

* Berdoalah untuk mereka yang telah mengalami Kristus melalui penyembuhan, mimpi dan pelepasan agar mereka akan benar-benar menyerahkan hidup mereka kepadaNya (Efesus 5:11-20).

* Berdoalah untuk pemuridan yang efektif bagi orang-orang percaya dan juga mereka yang 'hampir' percaya (Mat. 28:20a). Semoga kuasa Tuhan dan kebenaran Kristus akan datang menguasai dan mengubah

hidup setiap orang yang percaya (Kolose 1:28).

* Berdoalah untuk penyelarasan dan susulan hubungan media yang lebih efektif (satelit, dan siaran radio disiarkan setiap hari). Berdoalah agar Tuhan bekerja di dalam bandar-bandar yang belum ada saksi-saksi yang tinggal di sana buat bertahun-tahun lamanya.

* Berdoalah untuk hikmat bagi pemimpin-pemimpin kerajaan, terutamanya dalam melindungi

negara ini dari golongan Islam yang radikal (Rom 13:1-5).

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim